



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGGUNAAN ALATAN TEKNOLOGI
DALAM PENGAJARAN EKONOMI RUMAH TANGGA
SEKOLAH MENENGAH DI LEMBAH KELANG**

SITI NATRAH BINTI MUKHTARAM

FPP 1999 76

**PENGGUNAAN ALATAN TEKNOLOGI
DALAM PENGAJARAN EKONOMI RUMAH TANGGA
SEKOLAH MENENGAH DI LEMBAH KELANG**

SITI NATRAH BINTI MUKHTARAM

MASTER SAINS

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1999

**PENGGUNAAN ALATAN TEKNOLOGI
DALAM PENGAJARAN EKONOMI RUMAH TANGGA
SEKOLAH MENENGAH DI LEMBAH KELANG**

SITI NATRAH BINTI MUKHTARAM

**PROJEK KAJIAN YANG DISYARATKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK MENDAPATKAN IJAZAH MASTER SAINS
DI FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1999



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur Alhamdulillah di atas kurnia dan petunjuknya yang dilimpahkan sehingga terhasilnya kertas projek ini. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu menyempunakannya, khusus kepada :

Professor Madya Dr. Hajah Hapsah bt Nawawi selaku penyelia projek yang dedikasi, Dr. Mohamed Ibrahim bin Nazri penasihat kajian ini, Professor Madya Dr. Hj. Azimi bin Hj. Hamzah Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Siswazah) dan pensyarah-pensyarah kursus pengajian pendidikan iaitu Professor Madya Dr Zakaria bin Kasa, Dr. Rosini bt Abu, Dr. Mohd Majid bin Isa, Dr Rohani bt Ahmad Termizi, Profesor Madya Dr. Kamariah bt Abu Bakar, Dr. Aida Suraya bin Mohd Yunus, Tuan Haji Zakaria Abdul Rahman dan Tuan Haji Azali bin Mahbar. Semoga kalian seisi keluarga diberkati Allah .

Pegawai-pegawai dan kakitangan Pengajian Siswazah dan pegawai-pegawai dan kakitangan perpustakaan.

Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Selangor, Jabatan Pendidikan Daerah kerana memberi kebenaran menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah di Negeri Selangor, para pengetua sekolah yang terlibat serta para guru responden kajian ini.

Rakan-rakan seperjuangan Puan Zuhriati, Puan Kalsom, Puan Kamsiah yang memberikan semangat dan Puan Rohani, Cik Farah dan Encik Shaiful di pejabat Timbalan Dekan penyampai maklumat utama.

Akhir sekali suami tersayang penulis Selamat bin Joned kerana restu dan sokongannya, anak-anak Diyana, Izzah, Fariz, Fatin dan Farah yang melahirkan ilham agar usaha ini menjadi pendorong kepada kejayaan masa depannya, anak bongsu penulis Nabilah yang telah kembali ke Rahmatullah semoga rohnyanya di cucuri rahmat dan bonda penulis Puan Hajah Raihanah bt Haji Dahlan yang turut mendoakan kejayaan .

Syukur alhamdulillah betapa kehadiran mereka dalam hidup penulis telah menyemarakkan semangat untuk meneruskan perjuangan ini hingga ke tinta terakhir.

Buatmu yang menabur budi

Hidupmu diberkati Ilahi.....Amin.....



JADUAL KANDUNGAN

	Mukasurat
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK DALAM BAHASA MELAYU	xiii
ABSTRAK DALAM BAHASA INGGERIS	x
BAB	
I PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	7
Persoalan Kajian	8
Kepentingan Kajian	9
Batasan Kajian	10
Definasi Konsep	10
II SOROTAN PENULISAN BERKAITAN	
Pengenalan.....	15

Makna Alatan Teknologi Dalam Pengajaran	16
Kepentingan Penggunaan AlatanTeknologi dalam pengajaran	19
Penggunaan Alatan Teknologi dalam Pengajaran	23
Kajian Tentang Sikap dalam Pengajaran	29
III METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	35
Rekabentuk Kajian	35
Pembentukan Instrumen Kajian	36
Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen.....	38
Populasi Kajian	41
Saiz Sampel	41
Prosedur Pengumpulan Data	42
Analisis Data	42
IV DAPATAN KAJIAN	
Pengenalan	44
Penganalisaan Secara Deskriptif	44
1 Demografi	
A. Daerah Responden	45
B. Umur Responden	45

C.	Pengalaman Mengajar	45
D.	Kelulusan	46
E.	Kursus Penggunaan Alatan Teknologi	46
F.	Jenis Kursus	46
G.	Masa Responden Menghadiri Kursus	47
H.	Jangka Masa Kursus	47
I.	Gred Sekolah	48
J.	Pengetahuan Responden	48
2.	Penggunaan Alatan Teknologi dalam Pengajaran ERT ..	52
A.	Jenis Alatan Teknologi di Sekolah	52
B.	Penggunaan Alatan Teknologi mengikut Aspek Pengajaran ERT	55
C.	Penggunaan Alat Teknologi dalam Rancangan Pengajaran	58
D.	Penggunaan Alatan Teknologi mengikut Demografi Responden	61
3.	Sikap Guru ERT terhadap penggunaan alat teknologi dalam Pengajaran ERT	64
A.	Sikap guru terhadap penggunaan alatan teknologi	64
B.	Sikap guru terhadap kekerapan penggunaan alatan teknologi	66
C.	Sikap terhadap penggunaan alatan teknologi mengikut demografi responden	69
4.	Masalah Penggunaan Alatan Teknologi dalam Pengajaran ERT	72

A. Masalah Pengajaran dan Pembelajaran	72
a. Menyampaikan Isi Pelajaran	72
b. Membangkit dan Mengekalkan Minat Pelajar ...	74
c. Pengurusan dalam Pengajaran	78
d. Cara Mengguna Alatan Teknologi	77
B. Masalah Mengikut Daerah, Umur, Kelulusan dan Pengalaman.....	80
Kesimpulan	81
5. Cadangan Meningkatkan Penggunaan Alatan Teknologi	83
6. Perkaitan dan Perbezaan terhadap Penggunaan Alatan Teknologi dengan Kelulusan, Pengetahuan Kewangan dan Kursus Responden	87
A. Perkaitan terhadap Tahap Penggunaan Alatan Teknologi dengan Kelulusan, Pengetahuan Kewangan dan Kursus Responden	88
B. Perbezaan Penggunaan Alatan Teknologi Mengikut Kelulusan, Pengetahuan Kewangan dan Kursus	91
V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Pengenalan	95
Perbincangan	96
Kesimpulan	104
Cadangan	109
BIBLIOGRAFI	121



LAMPIRAN

- A. Soal Selidik
- B. Penggunaan Alatan Teknologi dalam Pengajaran ERT mengikut Daerah (Min Skor)
- C. Tahap Kekerapan Penggunaan Alatan Teknologi Keseluruhan
- D. Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Menjalankan Penyelidikan
- E. Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Selangor bagi Menjalankan Penyelidikan

BIODATA PENULIS

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.	Aspek Penggunaan Alatan Teknologi dalam Pengajaran ERT mengikut Jenis Alatan Teknologi	58
2.	Kekerapan Penggunaan Alatan Teknologi mengikut Daerah, Umur, Pengalaman dan Kelulusan	63
3.	Pernyataan Sikap responden terhadap Penggunaan Alatan Teknologi mengikut Daerah, Umur, Pengalaman dan Kelulusan	71
4.	Masalah Penggunaan Alatan Teknologi mengikut Daerah, Umur, Pengalaman dan Kelulusan	82

SENARAI SINGKATAN

ERT	Ekonomi Rumah Tangga
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia

SENARAI JADUAL

Jadual		Mukasurat
1	Kebolehpercayaan Komponen Kajian	40
2	Demografi Responden menurut Daerah, Umur, Pengalaman, Kursus, Sekolah, Makmal Kewangan dan Membaikpulih alatan	50-51
3	Taburan Peratus Bekalan Alatan Teknologi di Sekolah ..	54
4	Penggunaan Alatan Teknologi dalam Pengajaran ERT .	57
5	Tahap Penggunaan Alatan Teknologi dalam Rancangan Pengajaran	60
6	Kekerapan Responden Menggunakan Jenis-jenis Alatan Teknologi dalam Pengajaran ERT dengan Demografi Responden	62
7	Sikap Responden terhadap penggunaan Alatan Teknologi	65
8	Sikap Responden terhadap Perancangan dan Penggunaan Alatan Teknologi	67-68
9	Sikap Responden terhadap Penggunaan Alatan Teknologi Mengikut Demografi	70
10	Masalah dalam Penyampaian Isi Pelajaran	73
11	Masalah Membangkit dan Mengekalkan Minat Pelajar ...	75
12	Masalah Pengurusan dalam Pengajaran	77
13	Masalah Cara Mengguna Alatan Teknologi	79

Jadual	Mukasurat
14 Masalah Penggunaan Alatan Teknologi mengikut Daerah, Umur, Pengalaman dan Kelulusan Responden	81
15 Rumusan Cadangan Guru untuk Mempertingkatkan Penggunaan Alatan Teknologi Dalam Pengajaran ERT	85
16 Perkaitan Penggunaan Alatan Teknologi mengikut Daerah, Umur, Pengalaman dan Kelulusan Responden.....	90
17 Perbezaan Tahap Penggunaan Alatan Teknologi mengikut Daerah, Umur, Pengalaman dan Kelulusan Responden	92
18 Anova Penggunaan Alatan Teknolgi terhadap Daerah Responden	93
19 Anova Penggunaan Alatan Teknolgi terhadap Umur Responden	94
20 Anova Penggunaan Alatan Teknolgi terhadap Pengalaman Responden	94
21 Anova Penggunaan Alatan Teknolgi terhadap Kelulusan Responden	94

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

PENGGUNAAN ALATAN TEKNOLOGI
DALAM PENGAJARAN EKONOMI RUMAH TANGGA
SEKOLAH MENENGAH DI LEMBAH KELANG
OLEH
SITI NATRAH BINTI MUKHTARAM
1999

Penyelia : Profesor Madya Dr. Hapsah binti Mohd Nawawi
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran, mengkaji sikap guru terhadap penggunaannya dan mengkaji masalah terhadap penggunaannya. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian sampel kajian terdiri daripada 35 orang guru Ekonomi Rumah Tangga yang dipilih dari empat daerah Sekolah Menengah Akademik di Lembah Klang iaitu Gombak, Ulu Langat, Kelang dan Petaling. Kaedah kajian tinjauan ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif.



Hasil kajian mendapati tahap kekerapan penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran keseluruhan adalah pada tahap yang sederhana (Min = 2.89). Kajian juga mendapati sikap terhadap penggunaan alatan teknologi dikalangan responden adalah tinggi (Min skor = 56.9). Analisis Korelasi Spermman yang digunakan mengenalpasti perkaitan penggunaan alatan teknologi dengan kelulusan, pengetahuan kewangan dan menghadiri kursus responden . Dapatan kajian yang dipeolehi menunjukkan hubungan yang sangat kuat kelulusan nilai $r_s=0.96$, pengetahuan kewangan $r_s=0.99$ dan menghadiri kursus $r_s= 0.98$. Manakala ujian t mendapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan alatan teknologi dengan kelulusan, pengetahuan kewangan dan kehadiran kursus responden. Kajian mendapati keseluruhan aspek masalah utama pengajaran yang dihadapi oleh responden adalah pada tahap rendah.

Berdasarkan kajian ini adalah dicadangkan agar guru mengikuti program latihan dalam penggunaan alat teknologi dalam pengajaran untuk meningkatkan keupayaan terhadap penggunaannya supaya dapat diaplikasikan dalam aktiviti bilik darjah sesuai dengan keperluan pendidikan hari ini.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the
Degree of Master of Science.

USING TECHNOLOGY MEDIA
IN TEACHING OF HOME ECONOMIC
AT KLANG VALLEY SECONDARY SCHOOLS

By

SITI NATRAH BT MUKHTARAM

1999

Supervisor : Profesor Madya Dr. Hapsah bt Mohd Nawawi

Faculty : Educational Studies

The purpose of the study was to determine the frequency of using technology media in teaching of respondents of thirty five Home Economics teachers selected from secondary schools in Klang Valley, namely Gombak, Ulu Langat, Klang and Petaling Districts. The data was collected using a set of questionnaires in order to obtain relevant information on teachers profiles,



frequency of using technology media in ERT, teachers attitude and problems related to the usage of technology media. The data was analysed using descriptive statistics.

The findings indicated that the usage of technology media in Home Economics teaching was at a moderate level (Mean = 2.89). The mean score of using technology media was high (Score Mean = 56.9). Using Spearman Correlation Analysis shows a strong relationship in the respondents' level of using technology media in classroom and the demography; qualification $r_s=0.96$, financial knowledge $r_s=0.99$, and those attended training with $r_s=0.98$ level. Meanwhile the t-test result shows a significant difference level between the respondents' financial knowledge, qualification and attending training against the usage of technological media in the classroom. The study finds problems in teaching and learning by the respondents are at a low level.

The study suggested that Home Economics Teachers needed to undertake more training program on the usage of technology media in the teaching profession to improve their competency level to meet the needs of future challenges education.



BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Perluasan peranan teknologi dalam kehidupan sedikit sebanyak telah mempengaruhi dunia pendidikan, terutama dengan bertambah pentingnya penggunaan alatan teknologi dalam proses pengajaran. Untuk menjamin sesuatu pengajaran beroleh kejayaan, adalah amat penting guru menjadikan diri mereka sebagai orang yang mempunyai keupayaan dan kepekaan untuk membawa perubahan-perubahan, dengan menggunakan berbagai media yang terpilih dan terancang dalam pengajaran (Rahim dan Ismail, 1990) .

Ledakan teknologi maklumat memaksa program memajukan pendidikan tidak terkecuali daripada penggunaan alatan teknologi supaya ia mampu memberi pendedahan sistem pengajaran yang lebih berkesan. Usaha ini bertujuan membolehkan guru lebih bersedia memasukkan elemen itu kedalam proses pengajaran bagi menghadapi dunia teknologi sebagai jambatan kearah membina cita-cita hidup untuk masa depan negara, khususnya kerjaya yang mencabar. Guru dianggap elemen penting dalam pendidikan dan penggunaan teknologi multimedia turut

menjadi segmen utama yang dapat membantu guru untuk mempersembahkan pengajaran yang lebih bermutu. (Berita Harian, Kuala Lumpur, Malaysia, Isnin, 14 Oktober 1996.)

Wawasan 2020, Falsafah Pendidikan Negara, Rancangan Malaysia Ke 7, Wawasan Pendidikan, Misi Kementerian Pendidikan, Falsafah Pendidikan Guru, Koridor Raya Multimedia dan Sekolah Bestari sewajarnya dapat mendorong guru untuk memenuhi aspirasi negara yang dapat menjadi penyumbang kepada peradaban teknologi. Untuk mencapai matlamat pendidikan Malaysia satu anjakan paradigma diperlukan dalam cara penggunaan teknologi di sekolah agar guru mendapat faedah sepenuhnya terutama dalam proses pengajaran.

Lapan puluh lima buah sekolah dan 85,000 pelajar akan terlibat dalam pengoperasian Sekolah Bestari pada Januari 1999. Pada tahun 2000 hampir 300,000 pelajar dalam 500 buah sekolah akan menjadi Sekolah Bestari. Menjelang tahun 2010, semua 10,000 buah sekolah di negara kita akan menjadi Sekolah Bestari. Ini akan melibatkan anggaran enrolmen sebanyak 5.8 juta pelajar dan 450.000 guru. Infrastruktur pelbagai media melibatkan penggunaan teknologi maklumat perlu diperkembangkan bagi semua mata pelajaran dan pelbagai jenis pelajar. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997)

Menyedari hakikat ini, Kementerian Pendidikan ingin memastikan bahawa menjelang tahun 2000, unsur sains dan teknologi diterapkan ke dalam semua mata pelajaran di semua peringkat persekolahan. Penggunaan teknologi dalam aktiviti pengajaran pembelajaran adalah seperti penggunaan perisian kursus komputer, perisian komputer dan lain-lain. Pembelajaran menjadi lebih berkesan dan cekap dengan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. (Kementerian Pendidikan Malaysia, Disember 1995)

Mulai Jun 1993 Kurikulum Komputer dalam pendidikan mula diperkenalkan di maktab perguruan sebagai sebahagian daripada komponen teras yang menekankan tentang aplikasi teknologi maklumat pengurusan, pemprosesan maklumat dan pengajaran pembelajaran (Nik Aziz Nik Pa, 1996).

Berdasarkan kepada matlamat sekolah bistari menjelang tahun 2000, teknik penyampaian ilmu oleh guru-guru ERT harus turut berubah selaras dengan ledakan teknologi maklumat serta langkah ke era projek perdana Koridor Raya Multimedia. Penguasaan ilmu pedagogi harus disepadukan dengan perkembangan teknologi maklumat agar dunia pendidikan ERT dapat dikembangkan kearah lebih berdaya maju. (Laporan Seminar Pendidikan ERT kearah Wawasan 2020, Mac 1997)

Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

mentakrifkan teknologi pendidikan merupakan aplikasi media, sistem pendekatan dan teknik-teknik kearah pencapaian pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991)

Oleh itu ternyata teknologi menekankan fungsi utama untuk mempertingkatkan kemahiran, kecekapan dan keberkesanan dalam proses pembelajaran agar dapat mengoptimumkan potensi dan mutu pembelajaran bagi semua pelajar. Maka pada asasnya fungsi teknologi dalam pendidikan tidak lari dari konsep untuk memperkukuhkan lagi kemampuan dan kebolehan seseorang pelajar dalam usahanya mencari ilmu pengetahuan .

Maka dalam pengajaran ERT di sekolah-sekolah alatan teknologi digunakan sebagai teknik membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran. Ini membolehkan pelajar menyedari kesan dan implikasi penggunaan teknologi ditempat kediaman dan membina kecekapan pelajar dalam penggunaannya supaya pelajar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi yang pesat dan perkembangan pengetahuan saintifik. (Kementerian Pendidikan Malaysia,1990)

Pernyataan Masalah

Pemikiran baru dalam pendidikan, perkembangan teknologi dan ledakan maklumat memaksa guru menggunakan, melihat dan mengubah proses pengajaran dan pembelajaran, persekitaran pembelajaran, peranan guru, peranan pelajar dan cara mengurus kurikulum sesuai dalam menghadapi arus globalisasi dan era abad ke 21 (Kementerian Pendidikan, 1996)

Namun menurut kajian Mohd Daud dan Kamaruddin(1990), menunjukkan guru tidak meminjam dan menggunakan alat dan bahan yang terdapat di Pusat Sumber Sekolah. Mereka lebih suka menggunakan buku teks kerana dapat menyelesaikan masalah pengajaran dengan pantas.

Kajian Arfah dan rakan-rakan (1992) pula menunjukkan guru kurang cekap menggunakan projektor overhead, perakam video, komputer dan projek legap. Oleh itu guru kurang menggunakan peralatan ini.

Penyelidikan lalu menerangkan tentang peranan teknologi sebagai berikut:

- a. Pembelajaran pelajar meningkat secara efektif dan efisien bila penggunaan teknologi diintegrasikan dalam proses pembelajaran.

- b. terdapat banyak inovasi pengajaran bila teknologi pendidikan digunakan sebagai satu alat pengajaran yang fleksibel.
- c. Motivasi dan sikap pelajar terpengaruh oleh teknologi pendidikan.
- d. Komputer dirumah berserta talian komunikasi menghubungkan guru mengajar dan sumber maklumat menggalakkan penggunaan komputer.

(Tengku Shahrom, 1996)

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, strategi pembelajaran secara kumpulan ditekankan dalam pelaksanaan KBSM. Penggunaan segala jenis alatan teknologi seperti komputer, telekomunikasi dan sebagainya sangat digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran supaya sistem itu menjadi lebih efisien dan efektif. Ia juga merupakan elemen penting iaitu "smart use of technology" yang perlu diwujudkan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran sesebuah sekolah bistari yang harus wujud disemua sekolah dinegara ini menjelang tahun 2010. (Kementerian Pendidikan, 1996)

Pengajaran dan pembelajaran tidak akan terbatas atas keupayaan pemerolehan pengetahuan dan penguasaan kemahiran semata-mata. Kepelbagaian aktiviti yang bercorak intergratif dan interaktif serta kepelbagaian sumber dan alatan teknologi pembelajaran wajar digunakan dalam pengajaran supaya boleh memotivasikan pelajar dan

meningkatkan keberkesanan pengajaran .

Oleh itu guru-guru yang mengajar ERT menghadapi masalah dalam menangani pengajaran ERT yang berkesan bersesuaian dengan keperluan kurikulum menuju kearah sekolah bistari. Permasalahan ini tentunya menjejaskan penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran terutama sekali bidang ERT. Oleh kerana kajian penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran ERT ini sangat penting namun masih belum pernah dterokai maka kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap, sikap dan masalah responden terhadap penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran ERT.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran ERT (KBSM) di peringkat sekolah menengah atas dan sikap yang berkaitan dengan masalah guru ERT terhadap penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran ERT (KBSM).

Objektif Khusus

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengkaji tahap penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran ERT (KBSM)
2. Mengkaji sikap guru ERT terhadap penggunaan alatan